

GLC, PBT digesa perbanyak penggunaan tulisan jawi

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediarnulia.com.my

KUALA LUMPUR: Syarikat-syarikat korporat terutamanya milik kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri diseru memperbanyakkan penggunaan tulisan jawi.

Penggunaan tulisan berkenaan termasuk dalam segmen-segmen seperti papan tanda dan acara festival.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin antara lain berkata, agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu bersama-sama mempromosikan aspek budaya dan warisan melalui tulisan jawi.

“Tentunya sebagai sebuah negara bangsa, kita tidak mahu kehilangan identiti. Dalam hal ini, semangat, roh serta perkembangan tulisan jawi mesti sentiasa dihidupkan,” katanya semasa ucapan Majlis Perasmian Buku Budi Asas Tamadun dan Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni Tonggak Budaya di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), di sini semalam.

Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni Tonggak Budaya yang diadakan serentak dengan pelancaran Buku Budi Asas Tamadun merupakan anjuran bersama Yayasan



MUHYIDDIN Yassin (kiri) diiringi Rais Yatim (tengah) melawat ruang pameran selepas melancarkan buku *Budi Asas Tamadun* dan Pameran Jawi Jiwa Bangsa di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC). Jalan Ampang di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Budi dan Yayasan Al-Bukhary.

Ia merupakan cetusan idea oleh Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Rais Yatim bersama 13 penulis sahabat beliau.

Ia dijayakan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Jabatan Warisan Negara, Arkib Negara, Muzium Negara, Muzium Kesenian Islam, Balai Seni Negara, Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Seni Kebangsaan serta Persatuan Seni Persembahan Neotrik, Budaya dan Warisan.

Mengulas berkenaan pameran itu, Muhyiddin berkata, ia merupakan suatu langkah yang tepat dan perlu diperluaskan ke seluruh negara.

Menurutnya, ia bertepatan dengan Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan yang mentakrif-

kan Melayu hendaklah beragama Islam, bertutur secara lazim dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu.

Kata Muhyiddin, beliau yakin apabila usaha-usaha promosi lain digembeleng di kawasan-kawasan negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, potensi untuk memupuk skrip jawi ke tahap dan penerimaan semula masyarakat amat diyakini sifat positifnya.